



No. Ruj: MKL-200/7/4/4 Jld. 13 (37)
Tarikh: 6 Mac 2024

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**BORANG KAJI SELIDIK KEPUASAN PELANGGAN BAGI
PENGURUSAN FASILITI BANGUNAN MAHKAMAH KUALA LUMPUR
BAGI BULAN MAC 2024**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Utusan Teguh Sdn Bhd (UTSB) adalah kontraktor yang dilantik sebagai Pengurus Fasiliti di kompleks ini mulai 16 Januari 2024 hingga 15 Januari 2027 . Untuk makluman juga, pihak kontraktor UTSB akan memberikan perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan kerosakan di dalam bangunan MKL sepanjang tempoh kontrak seperti di bawah :-

| MEKANIKAL | SIVIL | ELEKTRIKAL |
|---------------------------------|-------------------------------------|-----------------------------|
| Penyaman Udara Jenis VRV | Penyelenggaraan Tandas | Sistem Pencahayaan |
| <i>Chiller</i> | <i>Grease Trap</i> | Sistem Kad Akses |
| Pemadam Api CO2/ABC | Sistem Perpaipan | <i>Boom Gate</i> |
| Sistem Pencegah Kebakaran | Siling | Sistem Nombor Giliran (QMS) |
| Sistem Lif | <i>Built In Furniture</i> | Projektor |
| Sistem Pam | <i>Sewage Treatment Plant (STP)</i> | Sistem Siaraya |

3. Sehubungan itu, dipohon kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk **memberikan maklumb alas terhadap kualiti perkhidmatan pengurusan fasiliti di MKL** melalui pautan web <https://kajiankepuasanpelanggan/utsbMac2024> bagi tinjauan kepuasan pelanggan.

4. Tempoh pengisian borang kaji selidik ini adalah **mulai 6 Mac 2024 (Rabu) sehingga 29 Mac 2024 (Jumaat)**. Segala kerjasama dan maklumbalas YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Unit Pembangunan & Senggara

Bahagian Pengurusan

b.p. Pengarah

Mahkamah Kuala Lumpur